

MTrans gagal dapat projek monorel RM1.5b di Jakarta

Uji - 3 MAR 2004
Daripada ZULKEFLI
HAMZAH

JAKARTA 2 Mac - MTrans Holding Sdn. Bhd., (MTrans), telah digugurkan daripada senarai syarikat utama yang akan mengendalikan projek monorel bernilai RM1.5 bilion di ibu kota Jakarta kerana dikatakan gagal memenuhi syarat perjanjian yang ditetapkan.

Sebagai ganti, rakan perniagaan tempatan, konsortium Indonesian Transit Central (ITC) kini sedang berunding dengan syarikat dari Jepun, Hitachi bagi meneruskan projek itu.

MTrans dan ITC menandatangani memorandum persefahaman (MoU), di Kuching bulan Ogos lalu dengan disaksikan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Presiden Megawati Sukarnoputri.

Bagaimanapun, katan itu menghadapi

masalah berikutan Gabenor Jakarta, Sutiyoso mahu supaya MTrans membina dua laluan monorel serentak sebagai langkah segera mengatasi kesesakan jalan raya.

Ketua Pegawai Eksekutif ITC, Roslan Diwirjo yang dipetik oleh akhbar The Jakarta Post hari ini berkata, MTrans telah diberi tarikh akhir pada 28 Februari lalu sama ada mahu meneruskan projek tersebut atau sebaliknya.

MTrans, katanya, telah meminta supaya diberi waktu untuk menyelesaikan masalah teknikal dan kewangan berikutan permintaan pihak berkuasa tempatan supaya dua laluan dibina secara serentak.

"Kita tidak boleh tunggu lagi, pihak berkuasa tempatan kemungkinan besar memilih Hitachi dan Sutiyoso kini berada di Jepun atas jemputan Hitachi untuk meninjau sistem monorel di negara itu," jelasnya. -